

Warisan Intelektual Islam dalam Budaya Muzik Melayu

Budaya muzik dalam masyarakat Melayu tidak dapat dipisahkan daripada elemen keislaman yang telah meresap secara mendalam sejak kedatangan Islam ke rantau ini, iaitu sekitar abad ke-13 Masihi. Tradisi muzik seperti zapin, ghazal, berzanji, marhaban dan hadrah bukan sekadar hiburan semata-mata, malah merupakan wahana ekspresi rohani, kecintaan terhadap Rasulullah SAW serta pernyataan budaya yang kaya dengan unsur kesufian dan ketuhanan.

Muzik dalam konteks Islam-Melayu memperlihatkan adaptasi yang unik terhadap pengaruh Arab-Parsi. Unsur seperti maqam (mod muzik), *iq'a'at* (struktur ritma) dan puisi berunsur kerohanian telah diserap, diolah dan disesuaikan dengan konteks tempatan.


Apabila menelusuri akar intelektual dan sejarah bentuk muzik ini, kita akan mendapati bahawa pemikiran beberapa tokoh agung Islam telah memainkan peranan yang besar untuk membentuk pemahaman dan penerimaan muzik dalam masyarakat Islam, termasuklah di alam Melayu.

Muzik sebagai Medium Dakwah dan Ekspresi Budaya Islam-Melayu

Peranan muzik dalam budaya Islam-Melayu tidak pernah berada di luar kerangka keagamaan dan nilai adab yang tinggi. Walaupun terdapat segelintir pihak yang beranggapan bahawa muzik bercanggah dengan


prinsip Islam, namun sejarah perkembangan budaya Islam-Melayu membuktikan sebaliknya; iaitu muzik sebenarnya menjadi sebahagian daripada medium dakwah, pembentukan jati diri dan ekspresi kecintaan terhadap Ilahi dan rasul-Nya.

Tradisi muzik seperti marhaban dan berzanji merupakan contoh utama seni suara digunakan sebagai alat untuk memperingati dan mengagungkan junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Melalui syair yang penuh dengan pujian, disusun dalam bentuk qasidah dan dibaca dengan langgam yang syahdu, bukan sahaja menyampaikan isi kandungan yang sarat dengan nilai sejarah dan keagamaan, bahkan membangkitkan rasa cinta, rindu dan hormat yang mendalam terhadap Rasulullah SAW. Dalam kebanyakan masyarakat Melayu, misalnya di Johor dan Perak, tradisi ini masih dihidupkan terutamanya dalam majlis sambutan



Maulidur Rasul, kenduri arwah, akikah dan perayaan keagamaan yang lain.

Begitu juga dengan zapin yang pada asalnya diperkenalkan oleh para pendakwah dari Yaman (khususnya golongan Hadhrami) sebagai bentuk senaman spiritual yang turut melibatkan gerak tari dan zikir berlagu. Zapin bukan sekadar menjadi hiburan, tetapi turut berperanan menyampaikan ajaran moral, nasihat dan penghayatan terhadap kehidupan Islam melalui syair yang disulam dengan seni gerak. Setiap bait lirik



dalam zapin biasanya sarat dengan nilai kesopanan, nasihat agama, sindiran sosial dan juga peringatan tentang hari akhirat.

Dalam konteks ini, zapin berfungsi sebagai suatu bentuk seni dakwah halus, yang tidak menyampaikan mesej secara langsung seperti khutbah atau ceramah, tetapi meresap ke dalam jiwa melalui bahasa yang indah, irama yang harmoni dan kesan estetik yang mampu menyentuh perasaan. Keindahan seni inilah yang menjadikan muzik

bangsawan dan elit budaya, namun mesejnya tetap berteraskan kesedaran rohani dan nilai etika Islam.

Gambus sebagai Simbol Budaya Islam-Melayu

Tidak dapat dinafikan bahawa alat muzik gambus menjadi simbol utama dalam muzik tradisi Islam-Melayu. Gambus (oud) merupakan alat muzik petik yang telah berusia ribuan tahun dan terkenal dalam peradaban Arab, Turkiye dan Parsi. Dalam dunia Islam, oud sering

Islam-Melayu terus diterima, diwarisi dan dihargai merentas generasi.

Satu lagi contoh penting ialah ghazal Melayu, yang menampakkan pengaruh kuat daripada puisi Arab dan Parsi. Pada asalnya ghazal merupakan puisi cinta spiritual yang digunakan oleh para penyair sufi untuk menyatakan kerinduan kepada Tuhan. Kemudian ghazal disesuaikan dalam konteks budaya Melayu menjadi bentuk muzik yang bukan sahaja romantik, tetapi penuh renungan falsafah hidup dan keinsafan diri. Irama ghazal yang mendayu-dayu, disertai lirik puitis dalam bahasa Melayu klasik, menjadikannya wadah muhasabah yang sangat kuat. Ghazal berkembang pesat di negeri Johor, khususnya dalam kalangan masyarakat

dikaitkan dengan zaman keemasan tamadun Islam, dan alat ini telah memainkan peranan penting dalam muzik klasik Arab-Islam, termasuklah dalam persembahan sufi, majlis istana dan seni suara puisi.

Apabila gambus diperkenalkan di alam Melayu melalui hubungan perdagangan dan migrasi masyarakat Hadhrami dari Yaman, alat ini bukan sahaja dibawa sebagai instrumen muzik, tetapi juga sebagai lambang peradaban Islam dan warisan budaya rohani. Pada tangan orang Melayu, gambus menerima bentuk dan gaya yang tersendiri; dari segi reka bentuk, teknik permainan dan fungsi sosialnya.

Dalam zapin Johor, gambus menjadi instrumen utama yang memimpin melodi, menyatukan bunyi biola, gendang marwas dan akordion dalam sesuatu persembahan yang kaya dengan semangat Islam dan budaya tempatan. Permainan gambus bukan sahaja memerlukan kemahiran teknikal, tetapi juga kepekaan terhadap maqam dan irama, selaras dengan konsep muzik dalam tradisi Arab-Islam.

Dalam ghazal Melayu, gambus berfungsi sebagai alat muzik pengiring kedua yang menyampaikan emosi dalam syair, terutamanya dalam lagu tentang cinta, kerinduan dan penyesalan. Ghazal menjadi suara hati yang melatari bait-bait puisi yang dalam maknanya.

Lebih penting lagi, kehadiran gambus dalam persembahan marhaban, berzanji dan hadrah menjadikannya sebagai alat perantara rohani; bukan sekadar alat muzik biasa, bahkan sebagai elemen yang menghubungkan antara pendengar dengan kesucian makna yang disampaikan. Dalam konteks ini, gambus bukan hanya memainkan nada, tetapi turut memainkan peranan spiritual yang mendalam.



Peranan Hadhrami dan Proses Islamisasi melalui Muzik

Masyarakat Arab Hadhrami dari Yaman yang berhijrah ke kepulauan Melayu sejak abad ke-15 memainkan peranan penting dalam penyebaran Islam dan budaya Arab termasuklah muzik. Golongan ini bukan sahaja membawa ajaran Islam, tetapi juga memperkenalkan bentuk kesenian Islam yang berakar dari tanah Arab, termasuklah zikir berlagu, qasidah, syair keagamaan dan alat muzik seperti gambus dan marwas.

Melalui mereka, masyarakat tempatan mula menerima bentuk hiburan yang beretika dan berunsur kerohanian. Maka itu, lahirlah bentuk seni seperti hadrah (zikir dengan hentakan rebana dan gerakan badan), ratih dan qasidah yang menggabungkan unsur puji-pujian kepada Nabi Muhammad SAW, nasihat rohani dan penghayatan kepada hari akhirat.

Pengaruh Hadhrami ini cukup jelas dalam zapin Hadhrami yang menjadi asas kepada pelbagai jenis zapin di seluruh Malaysia; dari zapin Johor, zapin

Ciri penting yang membezakan muzik dalam budaya Islam-Melayu ialah penekanan terhadap adab dan sopan santun dalam penyampaianya. Tidak seperti bentuk hiburan moden yang sering menjurus ke arah hedonisme, muzik Islam-Melayu sentiasa diletakkan dalam bingkai nilai moral, kesederhanaan dan kesopanan.

Tenglu, zapin Lenga hingga zapin Sabah dan zapin Sarawak. Walaupun setiap bentuk mempunyai variasi tempatan, namun struktur asasnya, iaitu penggunaan gambus, irama enam perlatan (6/8) dan gerak tari berpasangan tetap menunjukkan akar keislaman dan kesinambungan dengan tradisi muzik Arab-Islam.

Muzik dan Adab dalam Budaya Islam-Melayu

Ciri penting yang membezakan muzik dalam budaya Islam-Melayu ialah penekanan terhadap adab dan sopan santun dalam penyampaianya. Tidak seperti bentuk hiburan moden yang sering menjurus ke arah hedonisme, muzik Islam-Melayu sentiasa diletakkan dalam bingkai nilai moral, kesederhanaan dan kesopanan.

Pakaian para pemuzik dan penari, cara duduk dan berdiri, susunan lagu dan persembahan; semuanya mencerminkan pengaruh ajaran Islam dan nilai budaya Melayu yang mementingkan kesantunan dan budi bahasa. Tradisi seperti zapin dan ghazal tidak pernah lari daripada kerangka ini, malah memperkukuhnya.

Secara keseluruhannya, muzik dalam budaya Islam-Melayu bukanlah sekadar alat hiburan, tetapi telah berperanan sebagai alat dakwah yang lembut, saluran pengajaran dan cermin kepada kehalusan jiwa Melayu-Islam. Keindahan seni suara, penggunaan syair yang indah dan beradab, serta kehadiran alat muzik seperti gambus yang kaya dengan simbolisme menjadikan muzik Islam-Melayu sebagai khazanah budaya yang menggabungkan spiritual dan estetika dalam bentuk yang amat harmoni.

Pemikiran Cendekiawan Islam dan Sumbangan kepada Teori Muzik

Untuk memahami sepenuhnya bagaimana muzik dalam budaya Islam-Melayu berkembang, kita perlu merujuk para cendekiawan Muslim yang telah menulis secara mendalam tentang teori muzik, fungsinya dalam masyarakat dan kedudukannya dalam Islam. Mereka bukan sahaja melihat muzik dari sudut teknikal, malah meneroka kaitannya dengan falsafah, psikologi dan rohani.

1 Al-Farabi (872 – 950M): Ahli Falsafah dan Ahli Muzik

Al-Farabi dikenali sebagai “*al-Mu'allim al-Thani*” (Guru Kedua) selepas Aristotle. Beliau menulis karya agung, *Kitab al-Musiqa al-Kabir* yang menjadi rujukan utama dalam kajian muzik Islam. Dalam kitab ini, beliau membahaskan tentang aspek teknikal muzik seperti interval, struktur maqam dan kesan nada terhadap emosi manusia. Beliau juga menekankan tentang fungsi muzik untuk mendidik jiwa dan menyeimbangkan emosi, selari dengan pandangan bahawa muzik mempunyai nilai terapeutik.

Konsep maqam yang dibincangkan oleh al-Farabi masih boleh dilihat dalam muzik zapin walaupun telah mengalami lokalisasi. Sebagai contoh, penggunaan maqam seperti Hijaz, Nahawand dan Bayati dalam lagu zapin Melayu menjadi bukti kesinambungan warisan Arab-Islam dalam muzik tempatan.

2 Al-Kindi (801 – 873M): Pelopor Muzik sebagai Ilmu Sains dan Rohani

Al-Kindi merupakan seorang sarjana awal Islam yang telah menulis lebih 15 buah risalah tentang muzik. Beliau menegaskan bahawa muzik merupakan satu cabang ilmu yang sejajar dengan matematik dan fizik kerana melibatkan pengiraan nisbah bunyi dan getaran. Lebih daripada itu, beliau turut menyatakan bahawa muzik dapat memberikan kesan positif terhadap kesihatan dan kesejahteraan jiwa.

Dalam konteks budaya Islam-Melayu, pandangan al-Kindi ini memberikan legitimasi kepada penggunaan muzik dalam majlis keagamaan seperti marhaban dan berzanji, yang sering dilagukan secara harmoni dan menenangkan. Persembahan seperti ini dianggap bukan sekadar hiburan, bahkan sebagai suatu bentuk terapi rohani dan zikir estetik.


3 Al-Ghazali (1058 – 1111M): Muzik dalam Tasawuf dan Pembentukan Akhlak

Al-Ghazali, ulama besar dalam bidang tasawuf dan akhlak, memberikan justifikasi yang mendalam terhadap peranan muzik dalam kehidupan spiritual Muslim. Dalam *Ihya' Ulum al-Din*, beliau membincangkan konsep *sama'*, iaitu pendengaran rohani terhadap nyanyian dan muzik yang membawa kepada keinsafan, cinta Ilahi dan rasa tawaduk. Baginya, muzik yang disampaikan dengan niat ikhlas dan isi yang baik bukan sahaja dibenarkan, malah digalakkan jika mengangkat rohani pendengarnya.

Prinsip ini selari dengan persembahan hadrah, qasidah dan nasyid dalam budaya Melayu yang banyak berasaskan lirik memuji Allah dan rasul. Struktur persembahan yang berulang-ulang dan berirama menyerupai zikir berlagu berupaya membangkitkan kesedaran rohani dalam kalangan peserta dan pendengar.

4 Safi al-Din al-Urmawi (1216 – 1294M): Sistemisasi Maqam dan Irama

Safi al-Din al-Urmawi merupakan ahli muzik Parsi yang berjasa besar menyusun sistem maqam dan *iqa'at* secara saintifik. Beliau mencipta notasi muzik awal yang dikenali sebagai abjad dan membahagikan irama



kepada unit yang boleh diukur secara matematik.

Karya beliau sangat penting dalam pemahaman struktur ritma zapin yang lazimnya menggunakan irama enam perlatan (6/8), seperti dalam Zapin Tenglu dan Zapin Lenga. Walaupun dalam bentuk yang lebih sederhana, namun struktur irama ini dapat dijejak kembali kepada sistem yang diasaskan oleh al-Urmawi.


5 **Ziryab (789 – 857M): Tokoh Inovasi dan Pembaharuan Budaya**

Ziryab ialah seorang pemuzik, penyanyi dan reformis budaya dari zaman kerajaan Umayyah di Andalus (Sepanyol Islam). Beliau memperkenalkan pelbagai inovasi dalam bidang muzik, termasuklah penggunaan tali kelima pada gambus, pembaharuan pakaian persembahan, etika pentas, serta menyusun waktu harian dengan seni muzik dan sastera.

Ziryab tidak menghasilkan tulisan seperti al-Farabi atau al-Ghazali, tetapi pengaruhnya terhadap bentuk persembahan dan gaya muzik sangat besar. Konsep persembahan yang berstruktur dan beretika seperti yang diperkenalkan oleh Ziryab dapat dikesan dalam gaya persembahan ghazal Melayu dan zapin yang turut menitikberatkan aspek kesopanan, estetika dan susun atur lagu.

Jalinan Budaya Arab-Islam dan Alam Melayu

Proses penyerapan unsur muzik Islam dalam budaya Melayu berlaku secara berperingkat dan menyeluruh, terutama melalui hubungan perdagangan maritim, perkahwinan campur dan penyebaran dakwah oleh para ulama serta saudagar dari wilayah Yaman, Hijaz, Hadramaut dan India Muslim. Masyarakat Hadhrami memainkan peranan penting dalam usaha



memperkenalkan lagu puji-pujian, instrumen gambus dan zikir berlagu, yang kemudiannya berkembang menjadi bentuk seni seperti marhaban, berzanji dan zapin Hadhrami yang masih subur diamalkan di Johor, Perak dan pesisir Sabah.

Tradisi ini bukan sahaja menghidupkan suasana keagamaan dalam masyarakat, tetapi turut membentuk norma hiburan yang sopan dan beradab selari dengan nilai Islam. Dalam konteks tersebut, tradisi ghazal Melayu yang berakar daripada puisi Parsi dan Arab telah diserap ke dalam hiburan bangsawan dan istana Johor-Riau, serta dimainkan dalam majlis keramaian masyarakat elit. Lirik ghazal kerap memuatkan unsur falsafah hidup, cinta sufi dan nilai keislaman yang halus. Hal ini menjadikan ghazal bukan sekadar hiburan, tetapi juga suatu bentuk renungan batin dan ekspresi kerohanian dalam bentuk seni suara.

Muzik sebagai Warisan Intelektual dan Rohani

Pemahaman tentang muzik dalam tradisi Islam-Melayu tidak akan lengkap tanpa menelusuri pemikiran dan sumbangan para cendekiawan Muslim yang mengangkat muzik sebagai suatu bidang yang menyentuh aspek ilmu, seni dan kerohanian. Tokoh seperti al-Farabi, al-Kindi, al-Ghazali, Safi al-Din al-Urmawi

dan Ziryab telah meletakkan asas kepada wacana muzik Islam yang bukan sahaja bersifat saintifik dan matematikal, tetapi juga rohaniah dan falsafah. Al-Farabi, sebagai contoh, mengarang karya monumental *Kitab al-Musiqā al-Kabīr* yang bukan sahaja membahaskan tentang struktur dan teori muzik, bahkan juga hubungannya dengan akhlak dan jiwa manusia. Al-Ghazali pula dalam *Ihya' Ulum al-Din* menjelaskan bahawa muzik boleh membawa ketenangan hati dan kebersihan rohani, selagi tidak melalaikan dan melanggar prinsip syariah.

Tokoh seperti Ziryab pula yang membawa pengaruh muzik dari Timur ke Andalusia. Beliau menjadi contoh bagaimana intelektual Muslim juga merupakan seniman dan pencetus budaya, membentuk cita rasa masyarakat melalui seni yang teratur dan penuh etika. Dalam konteks ini, muzik bukan sahaja dilihat sebagai hiburan, malah sebagai alat pendidikan jiwa dan penjernihan akal, iaitu suatu pandangan yang amat selari dengan nilai Islam.

Dalam konteks Malaysia hari ini, penghargaan terhadap bentuk muzik tradisional seperti zapin, ghazal dan marhaban perlu diperkukuh dan diangkat semula. Usaha tersebut bukan sekadar untuk mengangkat muzik tradisional sebagai warisan budaya yang statik, tetapi sebagai jambatan intelektual dan rohani yang menyambung kesinambungan kita dengan dunia Islam yang lebih luas; dari Andalus ke Baghdad, dari Hijaz ke Hadramaut, hingga ke Johor dan Riau. Dengan mengiktiraf nilai seni warisan ini sebagai sebahagian daripada naratif Islam-Melayu yang berakar dalam ilmu dan spiritual, kita bukan sahaja mempertahankan identiti, tetapi juga meneruskan legasi tamadun Islam yang berjiwa seni dan berfalsafah tinggi. **DB**



Pemikir Islam dalam Sejarah Muzik



Ziryab (789–857M): Tokoh Inovasi dan Pembaharuan Budaya

Ziryab ialah pemuzik dan tokoh budaya dari zaman Umayyah Andalus. Beliau memperkenalkan banyak pembaharuan dalam seni muzik seperti menambah tali kelima pada oud, etika persembahan dan susunan waktu harian dengan elemen seni. Walaupun tidak menulis karya seperti al-Farabi atau al-Ghazali, pengaruhnya besar dalam cara persembahan muzik.

Al-Kindi (801–873M): Pelopor Muzik sebagai Ilmu Sains dan Rohani

Al-Kindi ialah sarjana awal Islam yang menulis lebih 15 risalah tentang muzik. Beliau menganggap muzik setaraf dengan ilmu matematik dan fizik kerana melibatkan pengiraan bunyi dan getaran. Beliau juga percaya bahawa muzik boleh memberikan kesan baik terhadap kesihatan dan jiwa.



Al-Farabi (872–950M) : Ahli Falsafah dan Ahli Muzik

Al-Farabi digelar “Guru Kedua” selepas Aristotle. Beliau menulis Kitab *al-Musiqā al-Kabir* yang menjadi rujukan utama dalam muzik Islam. Dalam karyanya, beliau membincangkan aspek teknikal seperti interval, struktur maqam dan kesan nada terhadap emosi. Beliau juga percaya muzik boleh mendidik jiwa dan menenangkan emosi.

Al-Ghazali (1058–1111M): Muzik dalam Tasawuf dan Pembentukan Akhlak

Al-Ghazali, seorang tokoh tasawuf menyatakan bahawa muzik boleh memberikan kesan positif terhadap spiritual seseorang jika disampaikan dengan niat yang ikhlas dan isi yang baik. Dalam *Ihya' Ulum al-din*, beliau memperkenalkan konsep *sama'*, iaitu mendengar nyanyian atau muzik yang membawa kepada rasa insaf, cinta kepada Tuhan dan kerendahan hati.



Safi al-Din al-Urmawi (1216–1294M): Sestemisasi Maqam dan Irama

Safi al-Din al-Urmawi ialah ahli muzik Parsi yang penting untuk membentuk sistem maqam dan irama secara saintifik. Beliau mencipta notasi muzik awal dan membahagikan irama kepada unit yang boleh diukur dengan matematik.

